

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	25 JAN 2015

Takziah kepada keluarga atlet paralimpik

UM - 25/1/2015

KUALA LUMPUR 24 Jan. - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak mengucapkan takziah kepada keluarga atlet paralimpik, Allahyarham Mohammad Azlan Mat Lazim yang meninggal dunia akibat kemalangan jalan raya di Serdang Raya dekat sini, hari ini.

Perdana Menteri berkata, negara akan sentiasa mengenang jasa Allahyarham Mohammad Azlan yang menyumbang tiga pingat emas di Sukan Para Asia Incheon 2014 di Korea Selatan.

"Salam takziah kepada keluarga Mohammad Azlan atas kepulangan beliau ke rahmatullah. Jasa beliau mengharumkan nama negara dengan tiga pingat emas di Sukan Para Asia Incheon 2014 akan sentiasa dikenang. Al-Fatihah," katanya dalam laman Facebook miliknya di sini hari ini.

Dalam kemalangan di Serdang Raya hari ini, Allahyarham Mohammad Azlan yang menunggang motosikal maut di tempat kejadian manakala rakannya yang juga atlet lompat jauh paralimpik, Farisan Jasna mengalami kecederaan.

Pada temasya Para Asia di Incheon Oktober tahun lalu, Mohammad Azlan, 24, yang berasal dari Kemaman, Terengganu menampilkan aksi cemerlang dengan membawa pulang tiga emas menerusi acara 100 meter, 200m dan 400m lelaki dalam kategori kecacatan T38 dan T36.